

**PERJANJIAN PERSEFAHAMAN
ANTARA PENYUMBANG MODAL
(PELABUR)**

Nama :

K/P:.....

DAN

**JWM DEVELOPMENT RESOURCES
UNTUK
PROJEK MEMBANGUNKAN
PERKHIDMATAN
SEWA FAST CARS**

ISI KANDUNGAN

Terma & Syarat Umum Syarikat

Surat Perjanjian

TERMA & SYARAT UMUM

DALAM SYARIKAT

JWM DEVELOPMENT RESOURCES

****untuk panduan pengenalan tentang
syarikat utama***

TERMA & SYARAT UMUM DALAM JWM DEVELOPMENT RESOURCES

1. PERKONGSIAN & PENGURUSAN

- 1.1 Pelabur adalah termaktub dengan perkongsian hasil keuntungan tahunan syarikat selepas audit sebanyak 30%.
- 1.2 Proses pembangunan dan penyediaan perkhidmatan adalah di bawah kelolaan penuh syarikat.
- 1.3 Pelabur terlibat **TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI** menggunakan apa sahaja medium sepanjang bersama / di dalam syarikat ini untuk memperolehi mana-mana projek / tender lain dengan menggunakan nama syarikat ini tanpa pengetahuan pihak pengurusan syarikat (**CROSSOVER / MEDIUM PIRACY**).
- 1.4 Pihak syarikat tidak akan mengesahkan penglibatan dalam sebarang urusan seperti ini sekiranya didapati mana-mana individu cuba untuk menggunakan nama dan pengaruh sedia ada.
- 1.5 Sebarang **PERANCANGAN, PROJEK, ATAU APA-APA KERJA, SERVIS** yang melibatkan **ATAU** ingin melibatkan syarikat ini perlulah di bawah maklumat dan perbincangan bersama pemilik syarikat.

2. PEMBAHAGIAN PEROLEHAN

- 2.1 Pembahagian hasil keuntungan syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam kertas kerja iaitu sebanyak 30% daripada keuntungan setiap duku tahunan selepas audit (berakhir Disember 2026).
- 2.2 Sebarang perkongsian baru **ATAU** kedua dan seterusnya adalah perlu melalui perjanjian dan persefahaman baru yang diperbaharui memandangkan perkongsian dalam syarikat ini adalah bukan perkongsian milikan syarikat tetapi hanya perkongsian keuntungan.

3. PECAH AMANAH / CROSS OVER / COMPANY SCAM

- 3.1 Sebarang aktiviti pecah amanah, cross over, ketidak telusan dalam bekerja atau apa juga aktiviti yang boleh mengganggu gugat dan menyebabkan kepincangan / kerugian serta melanggar peraturan, undang-undang serta terma operasi dalam syarikat **tidak akan dikrompomi**.
- 3.2 Sebarang aktiviti seperti / berkaitan / seumpama dalam perkara **3.1** adalah sekeras-kerasnya akan disabitkan dan dikenakan tindakan undang-undang.
- 3.3 Pelabur tidak boleh meminta semula modal atau membuat pembatalan pelaburan sehingga tamat tempoh pelaburan (Disember 2026)

4. BUDI BICARA DAN PERBINCANGAN

- 4.1 Adalah menjadi harapan dan hasrat pemilik syarikat untuk menjadikan perkhidmatan sewa sebagai sistem yang berdaya saing dan digunakan oleh ramai peniaga.
- 4.2 Sebarang perbincangan, ketidakpuasan hati, cadangan atau apa juga perkara yang perlu dibangkitkan adalah perlu dibawa ke meja dan pengetahuan pemilik syarikat bagi memudahkan pihak syarikat melakukan penambahbaikan dan mengelakkan pertikaian yang tidak munasabah.
- 4.3 Pemilik syarikat sentiasa terbuka untuk menerima apa juga jenis kritikan dan cadangan dengan tujuan untuk memajukan syarikat.
- 4.4 Perbincangan atau musyawarah adalah dituntut dalam operasi syarikat ini bagi mewujudkan persekitaran dan suasana kerja yang selesa, efektif, gembira dan berkualiti.

5. SISTEM OPERASI DAN PENGURUSAN

- 5.1 Pihak syarikat akan menyediakan sistem filing khas untuk dokumentasi pelaburan. Semua salinan pelaburan perlu dihantar kepada alamat yang dinyatakan untuk simpanan pihak syarikat.
- 5.2 Setiap urusan perlu ditandakan dan dikemaskan bagi tujuan semakan oleh pegawai bertanggungjawab.
- 5.3 Setiap projek atau pengurusan kerja perlu melalui prosedur standard iaitu melalui sebarang **PERSURATAN / LOI / LOA** dan lain-lain.
- 5.4 Setiap **PERSURATAN LOI / LOA** atau lain-lain perlu diperiksa dengan mendalam bagi mengelakkan kes-kes penipuan dalam syarikat DAN setiap daripadanya perlu disenaraikan kewujudannya.

6. KEWANGAN

- 6.1 Penggunaan buku cek / dokumen penyata kewangan syarikat adalah di bawah kuasa dan tanggungjawab mutlak **pemilik** syarikat sahaja.
- 6.2 Setiap transaksi kewangan yang dilakukan di bawah atau menggunakan nama syarikat ini **adalah melalui akaun bank semasa syarikat sahaja** dan bukan akaun peribadi mana mana individu termasuklah **pemilik** sendiri.
- 6.3 Pembayaran keuntungan kepada pelabur akan dibuat dalam tempoh 2 bulan selepas akaun diaudit oleh akauntan yang dilantik (jangkaan mac 2025).

SURAT PERJANJIAN
PERKONGSIAN KEUNTUNGAN
PERNIAGAAN

Perkhidmatan Sewa Fast Cars

DIANTARA PELABUR

***Nama:***

DAN

JWM Development Resources

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN ANTARA PELABUR DAN
JWM DEVELOPMENT RESOURCES
BAGI PROSES PENYEDIAAN PERKHIDMATAN SEWA

PENGENALAN

Perjanjian ini adalah perjanjian diantara **pelabur perniagaan dan Syarikat JWM Development Resources**, dalam menyertai proses pembangunan dan penyediaan perkhidmatan sewa Fast Cars.

BUTIRAN PERNIAGAAN

NAMA SYARIKAT : JWM DEVELOPMENT RESOURCES

JENIS PERNIAGAAN : Milikan tunggal

JENIS PENYERTAAN : Pelaburan Tahunan (berakhir Disember 2026)

CAWANGAN – Milikan tunggal

Perkhidmatan sewa Fast Cars adalah rakan kongsi syarikat JWM DEVELOPMENT RESOURCES. Segala jenis pengurusan, pemasaran, urusan kewangan serta untung rugi cawangan ini adalah di bawah tanggungjawab pengurusan syarikat JWM DEVELOPMENT RESOURCES seratus peratus (100%).

PERKONGSIAN KEUNTUNGAN – Pelabur Suku Tahunan (PST)

Bagi **Pelabur Suku Tahunan (PST)**, peranan yang dimainkan hanyalah sebagai ahli kongsi tidur (sleeping partner) di mana ahli kongsi ini tidak perlu terlibat dengan pengurusan syarikat atau perniagaan ini tetapi hanya menerima nisbah keuntungan bersih yang telah dipersetujui.

Walaupun wujudnya sistem perkongsian modal, mana mana pelabur adalah sama sekali **tidak mempunyai hak untuk bergabung dengan pelabur yang lain ATAU dengan pelaburan sendiri ATAU dengan apa cara sekalipun dengan tujuan cuba untuk mengambil alih hak milikan perniagaan yang terlibat.**

PEWARISAN KEUNTUNGAN – *Pelabur Suku Tahunan (PST)*

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa setiap perkongsian adalah sah untuk diwarisi kepada penama kedua yang diberi nama dalam perjanjian ini JIKA berlakunya kematian, kecacatan kekal, hilang upaya atau yang mana menyebabkan si penama tidak mampu untuk menguruskan hal-hal berkaitan perniagaan ini.

Penama kedua adalah WAJIB terdiri daripada ANAK, ISTERI, SUAMI, IBU, atau BAPA kepada penama pertama sahaja. Sekiranya TIADA pewaris seperti yang dinyatakan diatas bagi perkongsian berkenaan, pihak syarikat JWM DEVELOPMENT RESOURCES akan menamatkan perkongsian tersebut dengan membayar semula jumlah **MODAL ASAL** ahli Kongsi berkenaan secara **BERPERINGKAT SEHINGGA SELESAI**; dan secara automatic bahagian ketuntungan bersih tersebut akan kembali menjadi milik JWM DEVELOPMENT RESOURCES.

Penama kedua juga WAJIB menandatangani satu perjanjian PENUKARAN HAK MILIK SAHAM PERKONGSIAN yang dihadiri dan dipersetujui bersama penama asal (jika tiada kematian).

NAMA WARIS :

NO. K/P :

HUBUNGAN :

UNTUNG & RUGI PERNIAGAAN – diantara syarikat dan PSH

Adalah dipersetujui bahawa untung dan rugi perniagaan ini sepanjang tahun 2025 akan **ditanggung bersama oleh pelabur** mengikut peratusan perkongsian saham yang dilaburkan (*atau dengan jumlah yang dibincang & dipersetujui*). Pelabur seharusnya **memahami dan menerima keadaan semasa perniagaan ini dan sentiasa bersama dalam membangunkan lagi perniagaan ini di masa hadapan.**

ASAS PERJANJIAN

Semua dana yang diberikan akan digunakan sepenuhnya untuk membangunkan Perkhidmatan sewa Fast Cars menjadi lebih baik. Berikut ialah jadual pelaburan & keuntungan yang **dianggarkan**.

MODAL	SASARAN JUALAN	SASARAN KEUNTUNGAN	PULANGAN KEUNTUNGAN 30%
RM50,000	RM567,000	RM313,560	RM120,600

** Nilai ini ialah anggaran suku tahunan berdasarkan kertas kerja dan penyata kewangan yang diberikan. Nilai tersebut boleh berkurang atau bertambah mengikut situasi semasa.*

Dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa,

1. Projek dan suntikan modal ini adalah di bawah **KELOLAAN** syarikat JWM DEVELOPMENT RESOURCES sepenuhnya.
2. Proses pembangunan dan penyediaan Perkhidmatan Sewa Fast Cars akan bermula pada Suku Terakhir 2024.
3. Pelabur bagi projek ini adalah berfungsi sebagai penyuntik modal bagi kerja pengurusan syarikat JWM DEVELOPMENT RESOURCES untuk pembangunan dan menyediakan perkhidmatan sewa kenderaan.
4. Tempoh pembayaran keuntungan kepada pelabur akan dibuat 2 bulan selepas audit akaun dilakukan.
5. Pelabur dianggarkan akan menerima perkongsian hasil keuntungan berish sebanyak **30%** mengikut jumlah suntikan modal yang diterima dari bergantung kepada jumlah suntikan modal seperti yang tertera diatas.

6. Penyuntik modal memahami bahawa penglibatannya dalam projek hanyalah sebagai penyumbang modal tanpa sebarang kuasa mengubah atau meminda apa-apa perjalanan atau syarat perniagaan (dengan budi bicara dan perbincangan pengurusan).
7. Pelabur bagi perniagaan ini adalah tidak akan terlibat dengan kerja-kerja pengurusan dan perjalanan perniagaan (*hanya berperanan sebagai "sleeping partner"*).

PELANGGARAN PERJANJIAN

Dengan ini, difahami dan dipersetujui bahawa,

1. Sebarang gangguan daripada pelabur adalah tidak dibenarkan sama sekali sepanjang projek berlangsung (*gangguan bermaksud mengganggu perjalanan pengurusan syarikat sehingga menimbulkan ketidakselesaian kepada pihak pengurusan syarikat atau melanggar syarat persetujuan perkongsian ini*).
2. Pihak pelabur tidak boleh menuntut semula pembiayaan yang telah diberikan secara tiba-tiba atau tanpa sebab setelah menandatangani perjanjian ini ATAU semasa projek sedang dijalankan dalam apa cara sekalipun.
3. Jika perkara diatas berlaku, tindakan undang-undang yang sewajarnya akan dikenakan kepada pelabur.
4. Pihak syarikat juga mesti mengikut semua perjanjian yang telah dibuat bersama bagi menjalankan projek ini dengan jayanya.
5. Sebarang kejadian pecah amanah/penipuan atau yang berkaitan dengannya; tidak kira daripada mana-mana pihak yang terlibat sama ada di pihak syarikat utama sendiri atau para pelabur, tindakan undang-undang sewajarnya akan diambil.

Setelah membaca, kedua belah pihak adalah dengan ini bersetuju untuk menandatangani persetujuan ini dan bersedia untuk mematuhi semua syarat seperti yang termaktub dalam perjanjian ini dan bersedia untuk menerima/berhadapan dengan Tindakan undang-undang sekiranya melanggar mana-mana perjanjian yang termaktub ketika ini.

Sebarang pindaan, tambahan atau apa juga persetujuan tambahan dipersetujui akan dikemaskini dari masa ke semasa bagi menambah baik proses perjalanan projek

Yang benar,

*cop syarikat / tandatangan / cap jari

Yang benar,

*cop syarikat / tandatangan / cap jari

.....

()

No. K/P :

Pemilik & Pengurus

JWM DEVELOPMENT

RESOURCES

Tel :

.....

()

No. K/P :

Pelabur

Tel :

Saksi,

.....

()

No. K/P :